



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DAN KEMENTERIAN KEWANGAN

PENINGKATAN AKSES PEMILIKAN KEDIAMAN UNTUK GOLONGAN B40 DAN M40 MELALUI INISIATIF PEMBIAYAAN PERUMAHAN MALAYSIA (i-BIAYA) #JOMMILIKI

KUALA LUMPUR, 14 APRIL 2022 – Bagi menjayakan pelaksanaan matlamat Satu Keluarga Satu Rumah dalam kalangan golongan B40 dan M40 khususnya mereka yang mempunyai kekangan dari segi mendapatkan pembiayaan perumahan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan bersama-sama melancarkan **Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya)** pada hari ini. Inisiatif antara kedua-dua buah Kementerian tersebut adalah bagi menzahirkan komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap Keluarga Malaysia daripada kumpulan B40 dan M40 akan lebih berkemampuan untuk mendapat akses kepada pembiayaan perumahan dengan lebih mudah.

Menerusi inisiatif i-Biaya, isu-isu seperti tahap pendapatan isi rumah, bilangan isi rumah dan juga tahap kemampuan untuk memiliki rumah pada harga pasaran diberi perhatian sewajarnya dalam memproses permohonan. Dalam senario biasa, kumpulan ini lazimnya sukar mendapatkan pembiayaan untuk memiliki kediaman. Antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah rekod kredit yang lemah dan tahap risiko yang tinggi untuk menyokong keupayaan pembayaran balik pinjaman perumahan.

Justeru, i-Biaya menawarkan tiga (3) skim pembiayaan iaitu:

- (i) Skim Jaminan Kredit Perumahan yang ditawarkan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) Berhad dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion;
- (ii) Skim Rumah Pertamaku (SRP) oleh Cagamas SRP Berhad (Cagamas); dan
- (iii) Skim PR1MA Rent to Own oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA RTO)

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "Kerajaan yakin bahawa skim jaminan ini juga akan mendorong lebih banyak pemaju untuk menyediakan rumah pada harga mampu milik kerana Cagamas SRP Berhad dan SJKP akan meningkatkan ruang dan peluang pemilikan kediaman khususnya dalam kumpulan B40 dan M40 melalui Skim Rumah Pertamaku dan Jaminan SJKP." Tambah beliau, inisiatif-inisiatif ini akan membolehkan profil pembeli B40 dan M40 lebih kompetitif untuk mendapat tawaran pembiayaan rumah daripada institusi kewangan.

Menurut YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz pula, "Ramai rakyat Malaysia yang ingin memiliki kediaman sendiri, dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) dijangka akan memanfaatkan 25,000 pemohon kategori B40 dan M40 dengan anggaran nilai pembiayaan sebanyak RM5.9 bilion untuk tahun ini sahaja. Seterusnya, salah satu faktor yang membolehkan seseorang terus memiliki kediaman sendiri adalah pekerjaan. Sehubungan itu, Kerajaan juga komited untuk menyediakan 600,000 peluang pekerjaan tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion. Peluang pekerjaan serta peningkatan kemahiran bagi golongan B40 dan M40 ini akan meningkatkan pendapatan isi rumah, seterusnya membolehkan mereka memanfaatkan pelbagai skim pemilikan kediaman melalui Program i-Biaya yang dilancarkan hari ini."

Manakala, Skim PR1MA Rent-to-Own (PR1MA RTO) adalah skim pemilikan perumahan PR1MA berkonsep sewa beli. Skim ini memberi peluang kepada rakyat daripada kumpulan M40 memiliki rumah idaman sendiri secara sewaan dalam tempoh 5 tahun. Setelah tempoh penyewaan tersebut tamat, pembeli akan meneruskan proses memiliki hartanah kediaman tersebut berdasarkan syarat kelayakan pinjaman perumahan.

Skim PR1MA RTO adalah hasil kerjasama strategik PR1MA bersama Maybank bagi menawarkan skim pemilikan perumahan inovatif yang lebih mudah kepada kumpulan M40. Antara faedah yang bakal dinikmati oleh pembeli adalah kos kemasukan yang rendah, kos bulanan yang rendah bagi tempoh 5 tahun pertama, serta harga rumah yang terkawal dan mampu milik.

Di majlis yang sama, turut termeterai beberapa jalinan kerjasama strategik antara kementerian bersama agensi penyedia perumahan, penyedia pembiayaan, konsultasi

dan rakan strategik lain seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia (GPPPKM), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Majlis Belia Malaysia, Majlis Sukan Negara (MSN), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Artis Malaysia (SENIMAN), Persatuan Pekerja-pekerja Filem (PROFIMA), Grab Malaysia, Pertubuhan Forward Malaysia dan lain-lain rakan strategik yang turut dijangka akan membantu Kerajaan untuk menghebahkan i-Biaya dan sekali gus meningkatkan jumlah permohonan.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Dato' Seri Dr. Ismail Mutallib, Timbalan Menteri KPKT, YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan I, YB Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa, Timbalan Menteri Kewangan II, YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi.

#JOMMILIKI

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KEMENTERIAN KEWANGAN

14 APRIL 2022

Lampiran Maklumat Tambahan

Skim Rumah Pertamaku (SRP)

1. Apa itu Skim Rumah Pertamaku (SRP)?

- Inisiatif Kerajaan yang telah dilancarkan pada Mac 2011 melalui kerjasama antara Cagamas, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Institusi-institusi Kewangan
- Bertujuan untuk membantu pembeli rumah pertama memiliki sebuah rumah tanpa perlu membayar wang pendahuluan
- Membolehkan pembeli rumah pertama mendapatkan pembiayaan sehingga 110% daripada bank-bank yang mengambil bahagian

Permohonan pinjaman/pembiayaan akan diproses dan diluluskan oleh bank-bank yang mengambil bahagian berdasarkan kriteria Skim dan piawaian pengunderaitan kredit bank masing-masing

2. Siapakah yang menjadi fokus sasaran utama bagi produk SRP?

- Pembeli rumah pertama
- Pekerja bergaji atau individu bekerja sendiri
- Pemohon individu atau bersama
- Pendapatan kasar bulanan isi rumah sehingga RM10,000

Kelebihan SRP

- Memiliki sebuah rumah tanpa perlu wang pendahuluan
- Mendapatkan pembiayaan sehingga 110% daripada bank-bank yang mengambil bahagian
- Jenis harta kediaman adalah termasuk dalam pembinaan atau unit yang telah siap sama ada daripada pasaran primer atau sekunder

3. Pembiayaan yang telah diluluskan dibawah SRP?

- Bermula 2011 sehingga 2021, terdapat 63,869 warganegara Malaysia telah memperoleh pembiayaan sebanyak RM14.1 billion
- Daripada permohonan ini, 21% atau 13,185 merupakan pemohon daripada 21 hingga 25 tahun, 48% (30,565) pemohon berumur- 26 hingga 30 tahun dan 23% (14,591) terdiri daripada mereka yang berumur 31 hingga 35 tahun.
- Golongan muda iaitu mereka yang berumur 35 tahun ke bawah mempunyai keupayaan pembiayaan yang tinggi iaitu 92% berdasarkan permohonan yang telah diluluskan
- Daripada permohonan ini, 35% (22,270) permohonan terdiri daripada mereka yang mempunyai pendapatan melebihi RM2,000 sehingga RM3,000, 36%

(23,139) merujuk pendapatan melebihi RM3,000 sehingga RM4,000 dan 16% (10,097) adalah daripada pendapatan melebihi RM4,000 sehingga RM5,000

- Daripada permohonan ini, Selangor merekodkan tahap kelulusan pembiayaan tinggi iaitu 25%, diikuti Johor 19% dan Kuala Lumpur 11%
- Daripada permohonan ini, 43% atau 27,635 permohonan telah memohon jumlah pinjaman melebihi RM100,000 hingga RM200,000 dan 37% atau 23,856 permohonan telah memohon jumlah pinjaman melebihi RM200,000 hingga RM300,000. Purata pinjaman yang dipohon adalah RM220,431.

4. Unjuran pembiayaan SRP pada 3 tahun akan datang (2022- 2024)?

- Jangkaan sebanyak 87,700 permohonan sehingga 2024
- Dengan purata permohonan pembiayaan adalah RM250,000
- Melibatkan anggaran nilai pembiayaan berjumlah RM20.9 bilion

5. 26 bank tersenarai iaitu:

- Affin Bank Bhd
- Affin Islamic Bank Berhad
- Alliance Bank Malaysia Berhad
- Alliance Islamic Bank Berhad
- Ambank (M) Berhad
- Ambank Islamic Berhad
- Bank Islam Malaysia Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Bank of China (Malaysia) Bhd
- Bank Simpanan Nasional
- CIMB Bank Berhad
- CIMB Islamic Bank Berhad
- Hong Leong Bank Berhad
- Hong Leong Islamic Bank Berhad
- Malayan Banking Berhad
- Maybank Islamic Berhad
- MBSB Bank Berhad
- OCBC Al-Amin Bank Berhad
- OCBC Bank (Malaysia Berhad)
- Public Bank Berhad
- Public Islamic Bank Berhad
- RHB Bank Berhad
- RHB Islamic Bank Berhad
- Standard Chartered Sadiq Berhad
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
- Standard Chartered Bank (M) Berhad

SJKP

6. Latarbelakang Produk SJKP?

- Skim Jaminan Kredit Perumahan telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada 2008.
- Skim Jaminan ini memberi ruang kepada mereka yang tidak berpendapatan tetap seperti peniaga kecil, petani, pemandu teksi, nelayan, pekerja “Gig dan lain-lain atau golongan berpendapatan tetap dari SME sektor seperti pekerja kilang, mekanik dan lain-lain untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak Institusi-institusi kewangan.
- Pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan dalam Bajet 2022 peruntukan jaminan berjumlah RM2.0 bilion untuk Skim Jaminan Kredit Perumahan. Dengan peruntukan baharu ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus membantu pembeli rumah pertama daripada golongan yang tidak berpendapatan tetap.

7. Siapakah yang menjadi fokus sasaran utama bagi produk SJKP?

- Golongan tidak berpendapatan tetap seperti peniaga kecil, petani, pemandu teksi, nelayan, pekerja “Gig dan lain-lain atau golongan berpendapatan tetap dari SME sektor seperti pekerja kilang, mekanik dan lain-lain untuk pembelian rumah pertama

8. Produk “Offering” dibawah Skim SJKP

- Pembelian rumah tanpa perlu wang pendahuluan
- Pembiayaan sehingga 110% dan merangkumi pembiayaan kos-kos yang berkaitan.
- Jenis rumah kediaman adalah termasuk dalam pembinaan, rumah kediaman yang telah siap sama ada daripada pasaran primer atau sekunder dan juga daripada pasaran lelongan.

9. Pembiayaan yang telah diluluskan dibawah SJKP?

- Bermula 2008 sehingga 28 Febuari 2022, sebanyak 12,265 permohonan pembiayaan berjumlah RM1.35 billion telah diluluskan.
- Negeri Johor mencatatkan jumlah kelulusan pembiayaan tertinggi iaitu sebanyak 1,782 diikuti dengan Pahang iaitu sebanyak 1,576 dan seterusnya Kedah iaitu sebanyak 1,243.
- Daripada kelulusan ini, sebanyak 7,199 adalah pembiayaan bernilai RM100,000 dan kebawah, 3,071 adalah pembiayaan bernilai di antara RM101,000 hingga RM200,000 dan 1,995 adalah pembiayaan bernilai antara RM201,000 hingga RM300,000.

10. Unjuran pembiayaan SJKP pada 3 tahun akan datang?

- Dianggarkan sekurang-kurangnya 6,667 permohonan pembiayaan berjumlah RM2 billion akan diluluskan oleh institusi kewangan terlibat dibawah Skim SJKP pada 3 tahun akan datang

RENT-TO-OWN

11. Latarbelakang Skim PR1MA RTO?

Skim PR1MA RTO dalah skim pemilikan perumahan berkonsep sewa beli yang memberi peluang kepada Rakyat daripada golongan berpendapatan tengah (M40) untuk memiliki rumah idaman dengan skim pemilikan perumahan secara mampu milik.

Skim PR1MA RTO adalah hasil kerjasama strategik bersama Maybank bagi menawarkan skim pemilikan perumahan alternatif yang lebih mudah untuk Rakyat khususnya daripada golongan berpendapatan pertengahan (M40).

12. Syarat dan Kriteria Permohonan

- Warganegara Malaysia
- Pemohon mesti berumur 21 ke 70 tahun
- Pendapatan isi rumah antara RM2,500 hingga RM15,000 sebulan
- Untuk pembeli rumah pertama atau kedua sahaja

13. Mekanisme pemasaran produk

- Permohonan boleh di buat di laman web www.maybank2own.com

14. Senarai Residensi PR1MA adalah seperti berikut:

- Bandar Putra Height
- Kuala Ketil
- Bandar Puteri Jaya 1
- Utama
- Desa Aman
- Kamunting
- Bagan Serai
- Meru
- Pulau Sebang
- Segari

- Tapah
- Kajang Utama
- Kampar
- Kampung Paloh
- Falim
- Alim Damai
- Jalan Jubilee
- Rumpun Bahagia
- Bandar Layangkasa
- Tebrau
- Lubok Jong
- Seri Mahkota Maju
- Kota Marudu*
- Borneo Cove*
- Selatan Kinarut*
- Matang Homes*
- Matang Premier*
- Bintawa Riverfront*
- Semenggoh*

** dalam proses mendapatkan kelulusan kerajaan negeri*